

Isu dilema penduduk Melayu Pulau Pinang



Keghairahan kerajaan negeri membina perumahan

mewah di tapak bekas perkampungan Melayu juga menyebabkan ramai berpindah keluar dari negeri ini”

Rafizal Abd Rahim,
Ketua Pemuda UMNO Pulau Pinang



Nasib kami seperti sudah jatuh ditimpa tangga, sukar bagi kami

untuk bersaing dengan masyarakat lain kerana masih dibelenggu kemiskinan”

Zakiah Kasim,
Peghuni Flet Padang Tembak, Pulau Pinang



Pendapatan RM800 sebulan sudah tidak cukup akibat

kadar sewa rumah yang tinggi dan harga barang mentah yang meningkat setiap tahun”

Muhammad Ali Jaffar,
Peghuni Flet Kampung Melayu

[FOTO RAMDZAN MASIAM/BH]



Ramai Melayu tinggal di kawasan penempatan miskin di flet Padang Tembak, Georgetown, Pulau Pinang.

Pemilikan tanah menguncup bawah 15 peratus

Nibong Tebal: Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang (MPBPP) menjangkakan tanah milik Melayu di negeri ini akan menguncup kepada paras bawah 15 peratus tahun ini, dan menjadi lebih kritikal pada masa hadapan.

Pengerusinya, Datuk Seri Zainal Abidin Osman, berkata pendedahan Persatuan Melayu Pulau Pinang (PEMENANG) yang mendakwa tanah milik Melayu di negeri ini hanya tinggal 20.4 peratus sahaja adalah kajian 2008, dan jumlah itu sudah pun mengecil kepada 18 peratus pada 2010.

Tanah sawah berpindah milik

“Kita juga perlu terima hakikat bahawa kebanyakan tanah sawah yang diusahakan orang Melayu terutama di Seberang Prai Utara (SPU) dan Seberang Prai Selatan (SPS) sudah berpindah milik kepada kaum lain.

“Keadaan ini berlaku kerana kaum lain mempunyai kuasa beli yang tinggi dengan menasaskan tanah sebagai aset jangka panjang. Sementara orang Melayu pula menjual tanah untuk meneruskan kelangsungan hidup mereka,” katanya.

Sementara itu, Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) menyarankan satu tabung khas diwujudkan untuk menyelamatkan tanah Melayu Pulau Pinang.

Pengerusinya, Datuk Shabudin Yahaya, berkata isu penjualan tanah milik Melayu sudah lama berlaku di negeri ini dan kebanyakannya membabitkan tanah pusaka berskala kecil yang diwarisi anak cucu dalam kelompok ramai.



Keratan akhbar BH, semalam.

Dihimpit pembangunan

BH. 6/5/2016 ms. 13

➔ Tanah diambil, Melayu terpaksa menyewa pada hujung usia

di Batu Uban sejak tahun 1700 kini umpama tertindas apabila majoriti mereka tidak lagi memiliki tanah untuk mendirikan rumah, sebaliknya dipaksa berpindah ke flet sekitar bandar raya ini.

Nasib tak dipedulikan

Antara mereka ialah suri rumah, Zakiah Kasim, 69, yang mendakwa nasibnya bersama anak dan cucu tidak pernah dipedulikan mana-mana pihak, sehingga ada kala mereka pernah makan roti sahaja bagi menahan lapar.

“Saya tinggal di kawasan kampung di Persiaran Gurney ketika masih kecil, namun apabila berkahwin saya mengikut suami bekerja di sekitar bandar raya ini sebelum kami terpaksa menetap Flet Padang Tembak.

“Keluarga kami hanya bergantung kepada pendapatan anak yang bekerja sebagai tukang cuci dengan pendapatan kira-kira RM700 selain dia juga perlu menyara tiga anaknya yang masih kecil,” katanya ketika ditemui BH semalam.

Pernah diusir

Nasib sama turut dialami peniaga gerai, Muhammad Ali Jaffar, 42, yang pernah berhadapan situasi diusir pihak berkuasa kerana berniaga di kaki lima jalan raya beberapa tahun lalu.

“Saya bukan tidak pernah cuba mengubah nasib keluarga, tetapi dengan kelayakan tidak setinggi mana, satu-satunya kerja yang boleh dilakukan adalah berniaga kecil-kecilan sejak 10 tahun lalu.

“Pendapatan saya cuma kira-

kira RM800 sebulan dan jumlah itu tidak cukup menyara empat anak yang masih bersekolah,” katanya yang menjual buah-buahan mengikut musim di kawasan pasar sekitar bandar raya ini.

Bekas jururawat, Che Hasna Hussain, 69, tidak pernah menyangka dia dan suaminya terpaksa terus menyewa di flet usang ketika mereka berada di penghujung usia.

“Kami pernah menetap di kawasan kampung ketika saya masih kuat bekerja, namun apabila tanah diambil, kami membawa diri ke flet sekitar bandar raya ini.

“Wang pencen kira-kira RM900 hanya cukup untuk perbelanjaan saya selain dihantar ke kampung bagi kegunaan adik yang juga hidup susah,” katanya.

Oleh Fatin Fazlina Yaakob
bhnews@bh.com.my

Georgetown

Di sebalik pembangunan dan kemodenan bandar raya ini, terselit wajah suram penduduk asalnya yang terus terhimpit dengan belenggu kemiskinan bandar. Masyarakat Melayu yang membuka penempatan awam